

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN TEO KOK SEONG
(RASAH)**
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 10.06.2015

Y.B. TUAN TEO KOK SEONG [RASAH] minta **MENTERI KEWANGAN**

menyatakan:-

- a. jumlah kenderaan rasmi yang disewa oleh Kerajaan sejak tahun 1993 sehingga tahun 2015 berdasarkan tahun dan jenis model kenderaan rasmi; dan
- b. harga sewaan bulanan untuk setiap unit kenderaan rasmi sejak tahun 1993 sehingga tahun 2015 berdasarkan jenis model kenderaan rasmi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah keseluruhan kenderaan rasmi yang disewa oleh Kerajaan pada masa ini adalah sebanyak 10,963 unit. Kenderaan ini disewa daripada SPANCO Sdn Bhd yang terdiri daripada pelbagai model PROTON dengan pecahan seperti berikut;

Model	Jumlah unit
Perdana 2.4 Executive	486
Perdana 2.0 Standard	709
Inspira 2.0	2,127
Persona	442
Preve	3,518
Proton Waja	2,466
Proton Saga	1,061
Jumlah	10,963

Harga sewaan bulanan bagi setiap kenderaan rasmi tersebut adalah seperti berikut;

Model	Sewaan (RM)
Perdana 2.4 Executive	3,284.84
Perdana 2.0 Standard	2,892.32
Inspira 2.0	2,147.68
Persona	1,114.66
Preve	1,572.77
Proton Waja	1,296.85
Proton Saga	973.84